

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA MD. RAMLI
KAWASAN : KUALA KRAI
TARIKH : 11.3.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 8

Y.B. DR. MOHD HATTA MD. RAMLI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) komposisi penyertaan syarikat Bumiputera dalam industri automotif negara sekarang dan sasaran komposisi ini untuk NAP 2014; dan
- b) jumlah syarikat SME Bumiputera yang terlibat dalam industri automotif sekarang dan jumlah pekerjaan yang ditawarkan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, hasil daripada usaha-usaha yang diambil Kerajaan, terdapat penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera di sepanjang rangkaian nilai industri automotif negara sama ada dalam sektor pembuatan atau lepas jualan.

Bagi sektor pembuatan, antara aktiviti-aktiviti perniagaan yang melibatkan syarikat-syarikat Bumiputera adalah dalam pembuatan dan pemasangan kenderaan serta komponennya. Bagi aktiviti pembuatan dan pemasangan

kenderaan, pegangan ekuiti syarikat-syarikat Bumiputera tersebut adalah sekitar 30 hingga 100 peratus.


Sementara itu, bagi aktiviti pembuatan komponen dan alat ganti kenderaan, penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera adalah dalam lingkungan 37 peratus. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti-aktiviti "secondary" seperti pengeluaran set di dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous* dan sebagainya, penglibatan syarikat-syarikat Bumiputera adalah masih rendah iaitu kurang daripada 10 peratus.

Bagi sektor lepas jualan pula, antara aktiviti-aktiviti perniagaan yang melibatkan syarikat-syarikat Bumiputera adalah aktiviti pengedaran kenderaan dengan penglibatan Bumiputera dalam 10 hingga 30 peratus. Manakala bagi perniagaan bengkel dan aksesori kenderaan, penyertaan syarikat-syarikat bumiputera adalah dalam lingkungan 12 peratus. Walau bagaimanapun, penglibatan syarikat-syarikat Bumiputera dalam kegiatan kitar semula adalah sangat terhad iaitu kurang daripada 5 peratus.

Berhubung dengan persoalan mengenai jumlah syarikat SME Bumiputera yang terlibat dalam industri automotif sekarang, berdasarkan rekod MITI, terdapat lebih kurang 57 buah syarikat SME Bumiputera yang menjadi pembekal komponen kepada PROTON, PERODUA dan MODENAS. Syarikat-syarikat ini menawarkan sebanyak 8,126 peluang pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif, khususnya bagi sektor pembuatan dan lepas jualan, Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 menyediakan peruntukan



sebanyak RM75 juta bagi tempoh 2014 hingga 2019. Ia bertujuan meningkatkan lagi daya saing syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif iaitu bagi pembangunan teknologi, modal insan dan rantaian bekalan.

Selain itu, pemantauan secara berterusan akan turut dijalankan ke atas syarikat pengeluar kenderaan serta pihak yang terlibat dalam sektor pembuatan dan lepas jualan untuk memastikan penglibatan aktif dan berkesan syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif tempatan.